



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

# BERITA

24 JAM

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 17 JULAI 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

# Inflasi diunjur sehingga 3.5 peratus susulan rasionalisasi subsidi diesel

Kerajaan mengunjurkan kadar inflasi bagi tahun ini antara dua hingga 3.5 peratus dengan pelaksanaan penyasaran rasionalisasi subsidi bahan api diesel.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, jumlah unjuran yang besar itu mengambil kira beberapa kemungkinan kenaikan kadar inflasi yang boleh timbul antaranya seperti pelaksanaan penyasaran rasionalisasi subsidi bahan api ini.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan berpandangan sekarang adalah tempoh sesuai bagi pelaksanaan subsidi bersasar, dengan mengambil kira angka inflasi yang rendah ketika ini.

"Kadar inflasi negara bagi Januari hingga Mei lalu mencatat peningkatan sederhana sebanyak 1.8 peratus berbanding 3.4 peratus bagi tempoh sama tahun sebelumnya.

"Sementara kadar inflasi Mei lalu pula kekal rendah pada dua

peratus. Sebagai perbandingan, inflasi bagi Zon Euro meningkat kepada 2.8 peratus, Amerika Syarikat (3.3 peratus), Republik Korea (2.7 peratus), Filipina (3.9 peratus) dan Indonesia (2.8 peratus) bagi tempoh sama.

"Dengan mengambil kira angka inflasi yang rendah pada ketika ini, kerajaan berpandangan ini adalah tempoh yang sesuai bagi pelaksanaan subsidi bersasar," katanya melalui jawapan bertulis yang disiarkan di laman sesawang Parlimen.

Beliau menjawab soalan Datuk Ahmad Amzad Mohamed@Hasim (PN-Kuala Terengganu) yang meminta Menteri Kewangan menyatakan sejauh mana jaminan kerajaan terhadap kenaikan harga barang.

Ahmad Amzad juga ingin tahu bebanan yang bakal ditanggung golongan B40 dan M40 akibat pelaksanaan rasionalisasi subsidi dan ke manakah hasil penjimatan daripada rasionalisasi

ini akan digunakan.

## Atasi ketirisan subsidi

Pada masa sama, menurut Menteri Kewangan, walaupun harga diesel kini ditetapkan RM3.35 se-liter, kerajaan masih sediakan diesel bersubsidi kepada nelayan dan 33 jenis kenderaan pengangkutan awam serta barang di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) untuk memastikan kos barang dan perkhidmatan kekal terkawal.

Katanya, bagi melindungi kehijikan majoriti rakyat dan mengatasi isu penyeludupan serta ketirisan subsidi, kerajaan memperkenalkan platform BUDI MADANI bagi menyalurkan subsidi diesel yang lebih tepat kepada sektor yang layak, golongan masyarakat yang memerlukan, dan lebih 80 peratus pemilik kenderaan diesel individu.

"Di bawah inisiatif BUDI MADANI, pemilik kenderaan jenis diesel merangkumi kenderaan

pengangkutan awam darat, pengangkutan darat barang, kenderaan persendirian milik individu dan golongan petani.

"Ia juga dinikmati penternak serta pekebun kecil komoditi di Semenanjung yang boleh terus menikmati subsidi diesel melalui kaedah fleet card di bawah MySubsidi Diesel atau bantuan tunai RM200 di bawah BUDI Individual dan BUDI Agri-Komoditi," katanya.

Menurut Menteri Kewangan, kerajaan berhasrat mengembalikan penjimatatan daripada langkah penyasaran semula subsidi bahan api ini kepada rakyat sama ada secara langsung maupun tidak langsung bagi mengoptimalkan sumber kewangan negara.

Katanya, ia terutama melalui sektor pendidikan, kesihatan, pengangkutan awam dan keperluan pembangunan lain selain memperkuatkan agenda perlindungan sosial.

## Padah simpan, jual gas LPG tanpa lesen

TANJUNG MALIM — Tindakan seorang lelaki 50-an menyimpan dan berurus niaga gas petroleum cecair (LPG) tanpa lesen mengundang padah apabila stornya diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak di sini kelmarin.

Dalam kejadian pada pukul 11.30 pagi, operasi pemeriksaan itu hasil maklumat risikan anggota penguat kuasa KPDN selama beberapa hari di kawasan tersebut.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, perkeriksaan di premis mendapati ia adalah sebuah stor simpanan barang-barang jualan runcit.

"Sebanyak 63 tong LPG ditemui di dalam stor berkenaan. Semakan awal mendapati stor itu tidak memiliki sebarang lesen atau permit menyimpan Barang Kawalan (CA).

"Seorang lelaki tempatan berusia 50-an telah ditahan untuk siasatan lanjut. Satu tindakan kes telah diambil ke atas pemilik premis berkenaan dengan sitaan sebanyak 63 tong

LPG pelbagai jenama dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan bernilai RM5,139.60," katanya di sini semalam.

Ujarnya, siasatan lanjut akan dilaksanakan ke atas syarikat pemborong LPG ini kerana kesalahan menjual barang kawalan kepada orang yang tidak mempunyai lesen atau permit.

Katanya, kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan Makanan 1961 kerana disyaki melakukan kesalahan memiliki dan menyimpan barang kawalan berjadual tanpa kebenaran bertulis pihak berkuasa.

"Perseorangan atau individu selain daripada badan korporat tetapi tidak termasuk pengarah atau pegawai sesuatu badan korporat yang melakukan suatu kesalahan di bawah akta itu boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau tidak melebihi penjara tiga tahun atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan.

"Mana-mana badan korporat jika disabitkan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 boleh didenda maksimum RM2 juta," katanya.



PENGUAT KUASA KPDN Perak memeriksa tong gas LPG yang disyaki disimpan tanpa lesen di sebuah stor di Tanjung Malim kelmarin.

— IHSAN KPDN PERAK



PENGUAT KUASA KPDN memeriksa sebahagian daripada 64 tong plastik mengandungi petrol di Kuala Kemaman semalam.

## Nelayan seleweng 1,920 liter petrol subsidi ditahan KPDN

**KEMAMAN** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sosia Hidup (KPDN) melumpuhkan kegiatan dicatangi golongan nelayan dengan menyelweng petrol yang diampas secara berlebihan tanpa kebenaran di Kuala Kemaman, di sini semalam.

Dalam serbuan pada puluh lima minggu lalu itu, sebanyak 64 tong plastik berisi minyak petrol yang berhasil keseluruhan kira-kira RM3.58.

Pengarah KPDN Terengganu, Saharuddin Mohd. Kia berkata,

serbuan dilakukan di sebuah premis yang menjadi stor penyimpanan petrol berkenaan setelah mendapat aduan daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaian (LKIM) Terengganu.

Beliau berkata, serbuan berjaya menjumpai 64 tong plastik berisi minyak petrol yang bermula keseluruhan kira-kira RM3.58.

"Siasatan awal percaya modus operandi digunakan ialah membeli bekalan petrol berkenaan dari stesen minyak berhampiran dengan menggunakan kad pengenalan beberapa nelayan."

"Penyimpanan petrol di dalam stor tersebut tidak mendapat kebenaran Pengawal Bekalan sedangkan ia merupakan barang kawalan," katanya di sini semalam.

"Penyimpanan petrol di dalam stor tersebut tidak mendapat kebenaran Pengawal Bekalan sedangkan ia merupakan barang kawalan," katanya di sini semalam.

Tambah beliau, seorang lelaki yang merupakan nelayan tempatan berusia 30-an telah ditahan bagi membantu siasatan.

## **Tauke sembunyi 63 tong LPG ditahan**

**Ipoh:** Sorok 63 tong gas petroleum cecair (LPG) di sebuah stor tanpa lesen di Tanjung Malim.

Tindakan seorang lelaki tempatan berusia 50-an itu bagaimanapun dibongkar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraw Hidup (KPDN) Perak hasil operasi dijalankan kelmarin.

Pengarah KPDN Perak Datuk Kamalludin Ismail berkata, kejayaan operasi itu hasil maklumat risikan anggota Penguat Kuasa KPDN Perak Cawangan Tapah yang melakukan tugas pemantauan selama beberapa hari di kawasan beraenaan.

Beliau berkata, pemeriksaan mendapati stor berkenaan tidak memiliki sebarang lesen atau permit

menyimpan Barang Kawalan (CSA).

"Seorang lelaki yang disyaki pemilik perniagaan ditahan untuk siasatan lanjut. Semua tong LPG itu dianggarkan bernilai RM5,139," katanya.

Kamalludin berkata, kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana disyaki melakukan kesalahan memiliki dan menyimpan barang kawalan berjadual tanpa kebenaran bertulis pihak berkuasa.

Siasatan lanjut juga akan dilaksanakan terhadap syarikat pemborong barang kawalan LPG terbabit kerana kesalahan menjual barang kawalan kepada orang tidak mempunyai lesen atau permit barang kawalan. - Bernama



STOR tanpa lesen di Tanjung Malim yang menyorokkan 63 tong LPG diserbu KPDN Perak.

# Bukan faktor utama

**Tak wajar kaitkan penyasaran subsidi diesel penyebab peningkatan kos sara hidup**

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menegaskan tidak wajar untuk menyatakan penyasaran subsidi diesel menjadi penyebab utama peningkatan kos sara hidup.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, ini kerana ada naya faktor lain

yang turut menyumbang kepada kenaikan berkenaan.

Memberi contoh kenaikan harga sayuran yang ketara pada Jun lalu, beliau berkata, ia disebabkan keadaan cuaca tidak menentu, manakala harga ayam bersih standard stabil di paras harga munasabah, bulan lalu berbanding Julai ini.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan KPDN merekodkan dua sub kategori barang mengalami peningkatan harga iaitu daging dan sayur-sayuran dengan

jumlah peratus kenaikan antara 0.24 hingga 53.6 peratus, bulan ini.

Berdasarkan semakan data harga sebulan selepas rasionalisasi diesel dilaksanakan, katanya, KPDN juga mendapati peratus peningkatan tertinggi direkodkan bagi tomato sebanyak 53.6 peratus dan cili merah kulai pula 17.4 peratus.

"Terdapat juga barang mencatat penurunan harga selepas sebulan pelaksanaan rasionalisasi subsidi diesel sebagai contoh kategori barangan seperti bawang dan telur ayam.

"Justeru jika ingin menyatakan kos sara hidup meningkat disebabkan penyasaran subsidi diesel sahaja adalah tidak wajar," katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Datuk Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu) mengenai impak rasionalisasi subsidi diesel terhadap harga barang

dan peningkatan kos sara hidup rakyat, selain kesan peningkatan kadar cukai jualan dan perkhidmatan (SST) serta kenaikan tarif elektrik serta air.

Mengulas lanjut, Fuziah berkata, KPDN menumpukan kepada strategi penting ia memberikan penekanan kepada aktiviti penguatuasaan bagi memastikan peniaga tidak menaikkan harga barang dan perkhidmatan sewenang-wenangnya.

"Pelbagai operasi sudah dan sedang dilaksanakan bagi memastikan bekalan stabil

Fuziah

Ops Catut, Ops Terjah, Ops Tiris, Ops Menu, Ops Pasar dan Ops Samar bagi memastikan sentiasa stabil dan mengekang elemen pencatutan di pasaran.

"KPDN juga akan terus

meningkatkan aktiviti penguatuasaan dalam aspek mengekang gejala anti persaingan dalam pasaran.

"Ia membabitkan elemen kartel dalam bentuk pakatan harga, pakatan pasaran dan pengeluaran serta tipuan bidaan yang mempengaruhi harga barang dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada rakyat," katanya.



FUZIAH

## 340,637 syarikat selesai serah simpan maklumat pemunyaan benefisial

**SHAH ALAM** - Sebanyak 340,637 syarikat telah selesai melakukan transaksi serah simpan maklumat pemunyaan benefisial sejak Akta Syarikat (Pindaan) 2024 dikuatkuasakan pada 1 April lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, tiada sebarang fi lewat serah simpan dan fi rektifikasi dikenakan dalam tempoh dikuatkuasakan sehingga 30 September depan.

"Tempoh ini bertujuan memastikan semua syarikat mempunyai masa yang mencukupi untuk mematuhi keperluan tersebut melalui sistem e-BOS (Electronic Beneficial Ownership System)," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Bagaimanapun katanya, pelaksanaan bagi Seksyen 4,14, 26 dan 28 yang terkandung dalam perundungan baharu itu dikecualikan sehingga ke tarikh yang akan diumum nanti.

Tambahnya, KPDN pada Selasa telah mewujudkan siri dialog bersama pemain industri sektor peruncitan membabitkan empat badan gabungan bagi merangsang pembangunan sektor itu.



ARMIZAN

Beli dari stesen minyak guna kad pengenalan

Oleh NURFARDINA IZZATI MOKTAR  
 KEMAMAN

Tindakan nelayan menyimpan petrol tanpa permit yang sah di Kuala Kemaman, di sini membawa padah apabila perbuatan itu berjaya dihidoi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN).

Pengarah KPDN Terengganu, Saharuddin Mohd Kia berkata, pihaknya merampas kira-kira 64 tong plastik berisi petrol melibatkan lebih kurang 1,920 liter dengan anggaran nilai keseluruhan RM3,168.

Menurutnya, serbuan yang dijalankan di sebuah premis yang dipercaya dijadikan stor simpanan bahan api tersebut di Kuala Kemaman itu telah dilakukan empat orang pegawai dan anggota penguatan kuasa KPDN Cawangan Kemaman pada kira-

## Nelayan ditahan simpan petrol tanpa kebenaran

kira jam 1 petang.  
 "Ia merupakan hasil maklumat yang diterima daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Negeri Terengganu.

"Hasil maklumat awal yang diperoleh, petrol ini dipercayai dibeli dari stesen minyak berhampiran dengan menggunakan kad pengenalan beberapa nelayan dan disimpan sementara di premis berkenaan sebelum digunakan oleh bot-bot nelayan.

"Pemeriksaan lanjut yang dijalankan mendapati stor simpanan tersebut tidak memiliki sebarang permit atau surat kebenaran daripada pengawal bekalan untuk berurus dengan barang kawalan iaitu petrol," katanya dalam kenyataan di sini pada Selasa.

Mengulas lanjut, Saharuddin menyatakan seorang nelayan



FOTO: KHIRI TERENGGANU

bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Justeru, Saharuddin berkata, KPDN memberikan amaran keras kepada semua pihak berkaitan selain menegaskan bahawa tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati melakukan penyelewangan barang kawalan bersubsidi.

"Masyarakat disarankan menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa dengan memberikan kerjasama seikiranya mempunyai maklumat berhubung aktiviti penyelewangan barang kawalan bersubsidi.

"KPDN juga sentiasa menggerakkan anggota penguatan kuasa di lapangan serta mempertingkatkan aktiviti penguatan bagi memastikan aktiviti haram ini dapat dibendung daripada terus berluasa," katanya.

Penguatan kuasa KPDN cawangan Kemaman melakukan serbuan di sebuah premis yang dipercaya dijadikan stor simpanan petrol.

Ielaki warga tempatan berumur lingkungan 30-an telah ditahan bagi membantu siasatan.

Katanya, kertas siasatan telah dibuka dan siasatan lanjut ke atas kes ini sedang dijalankan di

## Lelaki Thailand mengaku tidak bersalah seleleweng diesel

**ALOR SETAR** - Seorang pemandu lori warganegara Thailand mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas kesalahan meyeleweng sejumlah minyak diesel minggu lalu.

Tertuduh, Witthaya Choochien, 29, membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa dalam bahasa Thai di hadapan Hakim Noor Zaihan Mohamad Ali.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa memiliki barang kawalan iaitu sebanyak 322 liter minyak diesel tanpa lesen di dalam tangki tambahan sebuah kenderaan bernombor pendaftaran Thailand.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah premis di Kawasan Perindustrian Bukit Kayu Hitam, pada jam 6.05 pagi, 11 Julai lalu.

Oleh yang demikian, tertuduh telah melanggar Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan



Witthaya (tengah) mengaku tidak bersalah atas pertuduhan meyeleweng 322 liter minyak diesel di Mahkamah Sesyen Alor Setar pada Selasa.

1961 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22(1) akta sama.

Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Siti Nurdinasafira Mohd Sakri manakala tertuduh diwakili Peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan, Lim Wei Yong.

Terdahulu, Siti Nurdinasafira memohon mahkamah mengenakan jaminan RM15,000 dengan dua orang penjamin warga Malaysia.

Wei Yong yang mewakili tertuduh memohon jaminan minimum memandangkan anak guamnya perlu menyara seorang isteri dan dua anak yang masih kecil.

Mahkamah menetapkan jaminan RM10,000 dan perlu melaporkan diri di balai polis terdekat setiap bulan sehingga kes selesai.

Noor Zaihan menetapkan 9 September depan sebagai tarikh serahan laporan kimia. Tertuduh dilaporkan membayar jaminan tersebut.

HARI:

**RABU**

TARIKH:

**17/7/2024**

M/SURAT:

**9****20-DAY COMPARISON**

## 'Diesel subsidy rationalisation has reduced leakage by 78pc'

**KUALA LUMPUR:** The diesel subsidy rationalisation has resulted in a 78 per cent reduction in leakage of the fuel, the Dewan Rakyat was told yesterday.

Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister Fuziah Salleh said diesel seizures also decreased by 87 per cent.

These figures, said Fauziah, were derived from Op Tiris and it was a comparison of 20 days before and after the implementation of diesel subsidy rationalisation, which began on June 10.

She added that retail diesel sales had dropped by 37 per cent within the first week of the subsidy rationalisation.

"Commercial diesel sales increased by 44 per cent during this time, whereas border diesel sales decreased by 24 per cent," she said in response to Datuk Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu).

Rosol had asked on the impact of diesel subsidy rationalisation on prices of goods on the cost of living, as consumers had to bear the impact of the increase in service tax electric tariffs and water bills at the same time.

On the impact of the diesel subsidy rationalisation, particularly with regard to the increase in the price of goods, Fuziah said the ministry had identified two sub-categories of goods that experienced price increases.

She said meat and vegetables showed varying percentage increases ranging from 0.24 per cent to 53.6 per cent, with the highest recorded increases reported for tomato (53.6 per cent) and red chili Kulai (17.4 per cent).

She said the significant rise in vegetable prices last month was attributed to unpredictable weather.

The standard clean chicken price remained stable at a reasonable level.

However, she added that some items, such as onions and chicken eggs, saw price decreases a month after the implementation of diesel subsidy rationalisation.

"Therefore, attributing the increase in the cost of living solely to the reduction in diesel subsidy is not justified, as other factors have also contributed to the rise."

"Regarding the Sales and Service Tax (SST), the two per cent increase applies only to existing taxable services, excluding meal services, telecommunications and parking."

# Illegally stored gas cylinders seized

**IPOH:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) seized 63 cylinders of liquefied petroleum gas (LPG) valued at RM5,139.60 suspected to have been stored illegally in Tanjung Malim.

Perak KPDN director Datuk Kamalludin Ismail said the successful operation was the result of intelligence gathered by enforcement officers from the Tapah branch, who closely monitored the area for several days, Bernama reported.

He said the premises served as a storage facility for retail goods but had no licence or permit to store controlled goods.

“A local man in his 50s, suspected to be the business owner, has been detained,” he said yesterday.

Kamalludin said the case is being investigated under the Control of Supplies Act 1961 for alleged possession and storage of scheduled controlled items without written permission from the authorities.

He added that further investigations would be carried out against the wholesale company for allegedly selling controlled goods to unlicensed individuals.

## KPDN: No unusual price hikes following diesel subsidy rationalisation

**KUALA LUMPUR:** There have been no unusual price increases detected following the diesel subsidy rationalisation on June 10, the Dewan Rakyat was told Tuesday.

Deputy Minister of Domestic Trade and Cost of Living Fuziah Salleh said that through Ops Kesan, the Enforcement Division conducted 14,195 inspections of premises to prevent profiteering.

"Additionally, the National Price of Goods Division monitors 418 types of daily necessities and has not observed any abnormal price fluctuations," she said during the question-and-answer session.

She was responding to a question from Datuk Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu) about the impact of diesel subsidy rationalisation on the prices of goods and the cost of

living.

To a supplementary question from Fong Kui Lun (PH-Bukit Bintang) on whether the government conducts daily or weekly inspections, Fuziah said the ministry deploys 2,200 enforcement officers and 900 price monitoring officers daily to monitor and collect stock-keeping unit (SKU) price data.

"Since May 2, nearly a month before the targeted subsidy was implemented, enforcement officers have been on the ground gathering information on prices, and to date, they have recorded 14,729 SKUs for us to make comparisons.

"Fluctuations are common in an open economy... what we are looking for are elements of profiteering and unreasonable price hikes," she explained. — Bernama

## Warga Thailand mengaku tidak bersalah seleleweng diesel

**ALOR SETAR:** Seorang warga Thailand mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas pertuduhan menyeleweng 322 liter minyak diesel, minggu lalu.

Withaya Choochien, 29, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan dalam bahasa Thaidi hadapan Hakim Noor Zaihan Mohamad Ali.

Pemandu lori itu didakwa memiliki barang kawalan iaitu 322 liter minyak diesel tanpa lesen, dalam tangki tambahan sebuah lori bernombor pendaftaran Thailand di sebuah premis di Kawasan Perindustrian Bukit Kayu Hitam, kira-kira jam 6.05 pagi pada 11 Julai lalu.

Bagi perbuatan itu Withaya telah melanggar Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 21, Akta Kawalan Bekalan 1961 dan boleh dihukum di bawah Seksyen

22(1) akta sama. Jika sabit kesalahan, dia boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Sebelum itu Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Siti Nurdinasafira Mohd Sakri memohon mahkamah mengekan jaminan RM15,000 ke atas tertuduh.

Bagaimanapun peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan Lim Wei Yong yang mewakili tertuduh memohon jumlah jaminan yang minimum memandangkan anak guamnya perlu menyara seorang isteri dan dua orang anak yang masih kecil.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM10,000 dengan dua orang penjamin warga tempatan dan menetapkan 9 Sept ini sebagai tarikh serahan laporan kimia.

— Bernama

## Warga Thailand mengaku tidak bersalah seleweng diesel

**ALOR SETAR:** Seorang warga Thailand mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas pertuduhan menyelweng 322 liter minyak diesel, minggu lepas.

Withthaya Choochien, 29, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan dalam Bahasa Thai di hadapan Hakim Noor Zaihan Mohammad Ali.

Pemandu lori itu didakwa memiliki barang kawalan, iaitu 322 liter minyak diesel tanpa lesen, dalam tangki tambahan sebuah lori bermotor pen-daftaran Thailand di sebuah premis di Kawasan Perindustrian Bukit Kayu Hitam, sekitar 6.05 pagi pada 11 Julai lepas.

Bagi perbuatan itu Withthaya telah melanggar Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 21, Akta Kawalan Bekalan 1961 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22(1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, dia boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Sebelum itu, Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Siti Nurdinasafira Mohd Sakri memohon mahkamah mengenakan jaminan RM15,000 ke atas tertuduh.

Bagaimanapun, peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan Lim Wei Yong yang mewakili tertuduh memohon jumlah jaminan yang minimum memandangkan anak guamnya perlu menyara seorang isteri dan dua orang anak yang masih kecil.

Mahkamah kemudiannya menetapkan jaminan RM10,000 dengan dua orang penjamin warga tempatan dan menetapkan 9 September ini sebagai tarikh seurahan laporan kimia. — Bernama

## 針對性柴油補貼

傅芝雅  
每日監督收集數據  
**物價沒異常上漲**



傅芝雅指出，  
销售与服务税和水  
电费的问题与柴油  
补贴无关。（国会在  
提供）

（吉隆坡16日讯）国内贸易及生活费部  
副部长傅芝雅沙烈说，自实施针对性柴油补  
贴后，没有发现物价异常上涨的情况。

### 检查逾万场所确保没牟利

她今日在国会下议院回应土团党乌鲁登嘉楼区国会议员拿督罗索华希的相关提  
问时说，该部执法组通过检查行动（Ops Kesam），共检查了1万4195个场所，以确保  
没有牟利活动。

“国家物价组也对418个生活必需品进  
行监督。根据我们每天的数据来看，没有发  
现（物价）异常上下波动的情况。”

她在回应行动党武吉免登区国会议员方  
贵伦的附加提问时也说，该部每天动员2200  
名执法人员和900名监督员来监督和收集库  
存单的数据。

“自5月2日起，在落实针对性柴油补贴  
前一个月，执法人员已实地采集物价信息，  
目前录得1万4729个库存单信息，以便我们  
可以进行比较，物价是否有上涨或下跌的情  
况。”

“在开放经济市场上，出现上涨或下跌  
是正常的现象。我们要寻找的是，是否存在  
牟取暴利和不合理涨价的元素。”

她补充，在检查的1万4195个场所中，  
该部共发出243份通告，要求业者就不合理  
涨价进行解释。

### 不应与针对性补贴挂钩

傅芝雅表示，不应将我国的生活费问题  
与针对性柴油补贴挂钩。

她今日在国会下议院回应土团党乌鲁登  
嘉楼区国会议员拿督罗索华希的附加提问时  
表示，后者的提问是不妥当的，仅仅是一个  
政治问题。

“我对乌鲁登嘉楼阁下的问题觉得奇  
怪，销售与服务税（SST）和水电费的问题  
都与针对性柴油补贴无关。”

她表示，联合国儿童基金会（Unicef）  
的报告，也是在双溪答甲补选之前发布的，  
因此不晓得罗索华希实际上想要问的问题。

“关于生活费问题……我认为乌鲁登嘉  
楼阁下试图将一切与柴油补贴挂钩，但还有  
很多外部因素。气候变化等因素。”

“我们不否认正在面对生活费问题，  
这就是为什么有国家生活成本行动理事会  
(NACCOL) 以及爱心促销等活动来控制生  
活费问题。”

根据联合国儿童基金会最新版本的边缘  
生活研究，在涵盖吉隆坡16个公共住房项目  
的755个低收入家庭中，只有7%的家庭倾向  
于燃油补贴。

罗索华希就此报告提问，柴油补贴措施  
导致物价上涨是否为双溪答甲补选败选原因  
之一。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## Usaha pastikan pematuhan undang-undang pembinaan

### Lagatah Toyos

TAWAU: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mengeluarkan Notis N2 iaitu meminta maklumat daripada syarikat kontraktor berhubung pemaju sebuah tapak pembinaan pusat komersil di Jalan Sin Onn di bandar, disini, pada Selasa.

Pengarah CIDB Sabah, Nazri Zakaria berkata, tapak pembinaan itu diperiksa dalam Operasi Penguatkuasaan Bersepadu (OPB 2024) anjuran CIDB Tawau yang secara mengejut.

Menurutnya, dalam operasi itu, satu kontraktor utama dan satu subkontraktor diperiksa dan pihaknya mendapati pemaju terbabit berdaftar dengan CIDB dan levi juga sudah dijelaskan.

"Kita turut memeriksa 31 pekerja di tapak pembinaan itu, yang terdiri daripada 11 pekerja tempatan dan 20 pekerja asing, dan notis sudahpun dikeluarkan kepada kontraktor utama," katanya kepada media.

Menurutnya, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) mengeluarkan notis hadir ke pejabat terhadap syarikat itu, manakala Majlis Perbandaran Tawau (MPT) mengesan kesalahan di bawah Undang-undang Kecil Bangunan dan juga Undang-undang Kecil Anti Sampah.

Beliau berharap notis yang dikeluarkan itu dapat dipatuhi pihak terlibat kerana jika gagal berbuat demikian, mereka boleh dikenakan kompaun dan didakwa.

Dalam pada itu, Nazri berharap operasi mengejut yang dijalankan secara berkala itu akan memberi kesedaran



PEMERIKSAAN di tapak pembinaan di Jalan Sin Onn.

kepada pemain industri, khususnya kontraktor, untuk lebih mematuhi undang-undang yang sedang dikuatkuasakan oleh semua agensi yang berkaitan dengan industri pembinaan.

Menurutnya, pada 2023, CIDB Sabah melaksanakan 15 Operasi Khas, termasuk tiga Operasi Bersepadu, dan sehingga Julai tahun ini, enam Operasi Khas sudah dilaksanakan, dengan satu Operasi Bersepadu.

Sebanyak 282 pemeriksaan tapak dilaksanakan sepanjang 2023 dan 163 pemeriksaan tapak dilakukan sehingga Julai 2024.

Justeru, beliau menggesa pemain industri mematuhi peraturan-peraturan ditetapkan di bawah Akta 520 CIDB dan akta atau undang-undang agensi lain di tapak pembinaan.

"Kesedaran kontraktor dalam melaksanakan pematuhan Akta secara seliaan sendiri amat penting bagi memastikan projek-projek dapat dilaksanakan dengan sempurna," katanya.

Dalam OPB di Tawau kali ini, enam agensi, termasuk CIDB, membabitkan kekuatan 35 pegawai dan anggota menjayakan operasi bermula jam 8 pagi itu.

Agensi lain terdiri daripada MPT, JKKP, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), dan anak syarikat CIDB iaitu Akademi Binaan Malaysia (ABM).

Hadir sama, Pengurus CIDB Sabah, Muhammad Ammar Asyraf Mohammad Norpi; Pengurus CIDB Tawau, Hassan Ismail dan Pengurus CIDB Sandakan, Poul Joannes.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**

# Targetting to produce 250,000 eggs monthly

**LIMBANG:** The construction of a poultry farm in Limbang, specialising in egg-laying hens, is almost completed, with the project currently at 80 per cent.

Food Industry, Commodity, and Regional Development Deputy Minister Datuk Dr Abdul Rahman Ismail stated that once completed, the farm is expected to produce approximately 250,000 eggs monthly.

"This production will meet Limbang's monthly egg demand of around 500,000 eggs, according to data from the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN)," he said.

He told reporters this during a visit to the Sri Berjaya Poultry Farm here on Monday.

Dr Abdul Rahman, who is also Bukit Kota assemblyman, added that should there be no obstacle, the project is expected to start seeing the production of eggs by the middle of next year once all the equipment are in place.

"I am very pleased with this project as it is the only farm producing eggs in the Limbang District."

"As we know, currently, Limbang's egg supply relies on supplies from other parts of Sarawak and Sabah, and we face logistical constraints," he said.



DR Abdul Rahman (left) visits the Sri Berjaya Poultry Farm in Limbang. Photo: UKAS

He added that with local egg production in Limbang, logistical issues will be resolved, and the egg supply will be sufficient, particularly during festive seasons.

When asked about the government assistance for the farm operators, he said that there are several types of assistance

available.

"Among them, the Department of Veterinary Service Sarawak (DVS) will offer technical assistance for egg production and other necessary standards such as MyGAB and specific certifications.

"Regarding financial assistance, the Sarawak government

has established a fund called Agrofund, managed by the Sarawak Land Development Board (SLDB).

"I recommend that the farm owners apply for this assistance. The maximum amount that can be requested is around RM7 million," he said.



• Projek ternakan ayam penelur

## Sasar 250,000 biji telur sebulan

LIMBANG: Projek perternakan ayam penelur yang diusahakan Ladang Sriberjaya Limbang mampu membantu mengatasi isu kekurangan bekalan telur ayam di utara Sarawak, dengan projek tersebut dijangka beroperasi Jun tahun depan.

Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pemasaran Wilayah, Datuk Dr Abdul Rahman Ismail berkata ladang itu akan menempatkan 10,000 ekor ayam penelur yang mampu mengeluarkan sebanyak 250,000 biji telur sebulan apabila beroperasi kelak.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Kota berkata, kerajaan amat menggalakkan usaha syarikat itu untuk menterak ayam penelur dalam membantu pengeluaran telur di Limbang yang sebelum ini bergantung kepada pembekal di luar Lim-

bang dan negeri jiran, Sabah.

"Saya amat gembira dengan projek ini yang merupakan satu-satunya ladang yang mengeluarkan telur di Limbang. "Ini perkembangan yang baik memandangkan keperluan telur di Limbang bergantung kepada bekalan dari kawasan lain di Sarawak dan Sabah, yang mana kita menghadapi kekangan logistik.

"Dengan adanya pengeluaran telur ayam di Limbang, masalah logistik akan dapat diselesaikan," katanya ketika ditemui media ketika mengadakan lawatan ke Ladang Ayam Penelur milik Sriberjaya di Kampung Ukong, semalam.

Mengulas lanjut, beliau membentahu dengan adanya ladang tersebut, ia sekali gus memenuhi keperluan dan permintaan telur di daerah berkenaan yang terus meningkat terutama pada musim perayaan.



LAWATAN KERJA...

Datuk Dr Abdul Rahman Ismail semasa mengadakan lawatan ke Ladang Ayam Penelur milik Sriberjaya di Kampung Ukong, semalam.

Data daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

Limbang menunjukkan jumlah anggaran pembekalan telur oleh pemborong dan pasaraya

di Limbang adalah sebanyak 516,000 biji telur pelbagai

gradi.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN & AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 17 JULAI 2024**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
17-Jul	Lebih 340 000 syarikat serah simpan maklumat penyerahan benefisial	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/lebih-340-000-syarikat-serah-simpan-maklumat-pemunyaan-benefisial">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/lebih-340-000-syarikat-serah-simpan-maklumat-pemunyaan-benefisial</a>	BERITA RTM
17-Jul	Kenaikan harga barang terkawal selepas penyasar-an subsidi diesel - Fuziah	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kenaikan-harga-barang-terkawal-selepas-penyasaran-subsidi-diesel-fuziah">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kenaikan-harga-barang-terkawal-selepas-penyasaran-subsidi-diesel-fuziah</a>	BERITA RTM
17-Jul	Tidak wajar kaitkan pen-nyasaran subsidi diesel pun-ca kos sara hidup meningkat - Fuziah	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1111881/tidak-wajar-kaitkan-penyasaran-subsidi-diesel-punca-kos-sara-hidup">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1111881/tidak-wajar-kaitkan-penyasaran-subsidi-diesel-punca-kos-sara-hidup</a>	HARIAN METRO
17-Jul	Subsidised diesel leakage reduced by 78 per cent after diesel prices floated	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/07/1077198/subsidised-diesel-leakage-reduced-78-cent-after-diesel-prices-floated">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/07/1077198/subsidised-diesel-leakage-reduced-78-cent-after-diesel-prices-floated</a>	NEW STRAITS TIMES
17-Jul	Tiada penurunan, pening-katan harga barang luar biasa selepas penyasaran subsidi - KPDN	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/07/1272044/tiada-penurunan-peningkatan-harga-barangan-luar-biasa-selepas">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/07/1272044/tiada-penurunan-peningkatan-harga-barangan-luar-biasa-selepas</a>	BERITA HARIAN
17-Jul	Lelaki Thailand mengaku tidak bersalah seleweng die-sel	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/675284/berita/semasa/lelaki-thailand-mengaku-tidak-bersalah-seleweng-diesel">https://www.sinarharian.com.my/article/675284/berita/semasa/lelaki-thailand-mengaku-tidak-bersalah-seleweng-diesel</a>	SINAR HARIAN
17-Jul	Warga Thailand mengaku tidak bersalah seleweng die-sel	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-thailand-mengaku-tidak-bersalah-seleweng-diesel-479250">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-thailand-mengaku-tidak-bersalah-seleweng-diesel-479250</a>	ASTRO AWANI
17-Jul	WARGA THAILAND MENGAKU TIDAK BER-SALAH SELEWENG DIE-SEL	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2318032">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2318032</a>	BERNAMA
17-Jul	Warga Thailand mengaku tak bersalah seleweng die-sel	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/712065">https://www.malaysiakini.com/news/712065</a>	MALAYSIA KINI
17-Jul	Warga Thailand mengaku tidak bersalah seleweng die-sel	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/07/16/warga-thailand-mengaku-tidak-bersalah-seleweng-diesel/">https://www.tvsarawak.my/2024/07/16/warga-thailand-mengaku-tidak-bersalah-seleweng-diesel/</a>	TV SARAWAK

17-Jul	Lelaki Thailand tidak mengaku salah seleweng diesel	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/07/16/lelaki-thailand-tidak-mengaku-salah-seleweng-diesel/">https://www.kosmo.com.my/2024/07/16/lelaki-thailand-tidak-mengaku-salah-seleweng-diesel/</a>	KOSMO
17-Jul	Nelayan simpan 1,920 liter petrol tanpa permit	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/07/nelayan-simpan-diesel-1920-liter-tanpa-permit/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/07/nelayan-simpan-diesel-1920-liter-tanpa-permit/</a>	UTUSAN MALAYSIA
17-Jul	Beli petrol guna kad pengenalan nelayan	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/07/16/nelayan-seleweng-bekalan-petrol-bersubsidi-ditahan-kpdn/">https://www.kosmo.com.my/2024/07/16/nelayan-seleweng-bekalan-petrol-bersubsidi-ditahan-kpdn/</a>	KOSMO
17-Jul	Nelayan ditangkap simpan petrol berlebihan tanpa permit yang sah	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/nelayan-ditangkap-simpan-petrol-berlebihan-tanpa-permit-yang-sah/">https://www.buletintv3.my/nasional/nelayan-ditangkap-simpan-petrol-berlebihan-tanpa-permit-yang-sah/</a>	BULETIN TV3
17-Jul	Nelayan ditahan simpan petrol berlebihan tanpa kebenaran	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/675255/berita/semasa/nelayan-ditahan-simpan-petrol-berlebihan-tanpa-kebenaran">https://www.sinarharian.com.my/article/675255/berita/semasa/nelayan-ditahan-simpan-petrol-berlebihan-tanpa-kebenaran</a>	SINAR HARIAN
17-Jul	Perak KPDN seizes 63 illegal LPG cylinders, detains owner	<a href="https://thesun.my/local-news/perak-kpdn-seizes-63-illegal-lpg-cylinders-detains-owner-PG12729475">https://thesun.my/local-news/perak-kpdn-seizes-63-illegal-lpg-cylinders-detains-owner-PG12729475</a>	THE SUN
17-Jul	KPDN PERAK SITA 63 TONG LPG DISIMPAN TANPA LESEN	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2317998">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2317998</a>	BERNAMA
17-Jul	KPDN sita 63 tong LPG di Tanjung Malim	<a href="https://www.malay.news/kpdn-sita-63-tong-lpq-di-tanjung-malim/">https://www.malay.news/kpdn-sita-63-tong-lpq-di-tanjung-malim/</a>	MALAY NEWS
17-Jul	KPDN serbu premis simpanan LPG tanpa lesen	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-serbu-premis-simpanan-lpq-tanpa-lesen/">https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-serbu-premis-simpanan-lpq-tanpa-lesen/</a>	BULETIN TV3
17-Jul	KPDN sita 63 tong LPG di Tanjung Malim	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/07/16/kpdn-sita-63-tong-lpq-di-tanjung-malim/#google_vignette">https://malaysiagazette.com/2024/07/16/kpdn-sita-63-tong-lpq-di-tanjung-malim/#google_vignette</a>	MALAYSIA GAZETTE
17-Jul	Lelaki ditahan miliki 63 tong gas lpg tanpa kebenaran	<a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/lelaki-ditahan-miliki-63-tong-gas-lpq-tanpa-kebenaran">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/lelaki-ditahan-miliki-63-tong-gas-lpq-tanpa-kebenaran</a>	BERITA RTM
17-Jul	Padah jual tong LPG tanpa lesen	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/07/16/padah-jual-tong-lpq-tanpa-lesen/">https://www.kosmo.com.my/2024/07/16/padah-jual-tong-lpq-tanpa-lesen/</a>	KOSMO

17-Jul	Seleweng diesel: Polis tahan seorang lelaki, rampas 3,000 liter minyak	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/07/16/seleweng-diesel-polis-tahan-seorang-lelaki-rampas-3000-liter-minyak/">https://malaysiagazette.com/2024/07/16/seleweng-diesel-polis-tahan-seorang-lelaki-rampas-3000-liter-minyak/</a>	MALAYSIA GAZETTE
17-Jul	Serah maklumat pemilikan bermanfaat syarikat sebelum 30 Sept	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/07/serah-maklumat-pemilikan-bermanfaat-syarikat-sebelum-30-sept/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/07/serah-maklumat-pemilikan-bermanfaat-syarikat-sebelum-30-sept/</a>	UTUSAN MALAYSIA
17-Jul	KPDN serbu kantin sekolah simpan minyak masak peket	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/675403/berita/semasa/kpdn-serbu-kantin-sekolah-simpan-minyak-masak-peket">https://www.sinarharian.com.my/article/675403/berita/semasa/kpdn-serbu-kantin-sekolah-simpan-minyak-masak-peket</a>	SINAR HARIAN
17-Jul	Pengusaha kantin simpan 397 kg minyak masak peket tanpa lesen ditahan	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/07/pengusaha-kantin-simpan-397-kg-minyak-masak-peket-tanpa-lesen-ditahan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/07/pengusaha-kantin-simpan-397-kg-minyak-masak-peket-tanpa-lesen-ditahan/</a>	UTUSAN MALAYSIA
17-Jul	Pengusaha kantin simpan 397 kg minyak masak peket tanpa lesen ditahan	<a href="https://www.malay.news/pengusaha-kantin-simpan-397-kg-minyak-masak-peket-tanpa-lesen-ditahan/">https://www.malay.news/pengusaha-kantin-simpan-397-kg-minyak-masak-peket-tanpa-lesen-ditahan/</a>	MALAY NEWS
17-Jul	MALAYSIA PAMER PRODUK HARTA INTELEK SEMPENA PERHIMPUNAN AGONG WIPO DI GENEVA	<a href="https://www.bernama.com/bmdunia/news.php?id=2318198">https://www.bernama.com/bmdunia/news.php?id=2318198</a>	BERNAMA
17-Jul	Malaysia promotes batik, handicrafts at WIPO exhibition in Geneva	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/07/1077332/malaysia-promotes-batik-handicrafts-wipo-exhibition-geneva">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/07/1077332/malaysia-promotes-batik-handicrafts-wipo-exhibition-geneva</a>	NEW STRAITS TIMES
17-Jul	340,637 syarikat selesai serah simpan maklumat pemunyaan benefisial	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/675389/berita/nasional/340637-syarikat-selesai-serah-simpan-maklumat-pemunyaan-benefisial">https://www.sinarharian.com.my/article/675389/berita/nasional/340637-syarikat-selesai-serah-simpan-maklumat-pemunyaan-benefisial</a>	SINAR HARIAN
17-Jul	No unusual price hikes following diesel subsidy rationalisation - KPDN	<a href="https://thesun.my/local-news/no-unusual-price-hikes-following-diesel-subsidy-rationalisation-kpdn-MH12730950">https://thesun.my/local-news/no-unusual-price-hikes-following-diesel-subsidy-rationalisation-kpdn-MH12730950</a>	THE SUN
17-Jul	Tiada kenaikan harga barang selepas penyasarana subsidi' - Fuziah Salleh	<a href="https://www.suarakeadilan.my/post/tiada-kenaikan-harga-barang-selepas-penyasarana-subsidi-fuziah-salleh">https://www.suarakeadilan.my/post/tiada-kenaikan-harga-barang-selepas-penyasarana-subsidi-fuziah-salleh</a>	SUARA KEADILAN
17-Jul	KPDN Perak siti 63 tong LPG berjumlah lebih RM5,000	<a href="https://mgperak.com/kpdn-perak-siti-63-tong-lpg-berjumlah-lebih-rm5000/">https://mgperak.com/kpdn-perak-siti-63-tong-lpg-berjumlah-lebih-rm5000/</a>	MALAYSIA GAZETTE PERAK